



e-ISSN: 2600-9617

Available online at
<https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/e-JITU/index>

E-Journal of Islamic Thought & Understanding 9 (1) 2024, 29-39

**E-Journal of Islamic
Thought &
Understanding
(E-JITU)**

A Study on Students' Understanding of Offer and Acceptance as Well as *Ījāb* And *Qabūl* in Contract Formation

Tinjauan Kefahaman Pelajar Terhadap Tawaran Dan Penerimaan Serta Ījāb Dan Qabūl Dalam Pembentukan Kontrak

Farihana Abdul Razak^{1*}, 'Adnin Ibrahim², Nurhidha Irawaty Kasmaruddin³

¹*Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia
farihana@uitm.edu.my (Corresponding Author)

²*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia*

³*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 16 Feb 2026

Revised 03 Mac 2026

Accepted 10 Mac 2026

Published 01 Apr 2026

Keywords:

Pembentukan Kontrak

Tawaran

Penerimaan

Ījāb dan qabūl

DOI:

<https://doi.org/10.24191/75s8n707>

ABSTRACT

An understanding of contract formation is fundamental to ensuring that parties enter into agreements that are legally valid and enforceable. In the context of accounting education, this concept is introduced through courses such as Introduction to Commercial Law (LAW240) and Fundamentals of Islamic Accounting (CTU231), which emphasise key elements of contract formation, namely offer, acceptance, *ijāb* and *qabūl*. This study aims to examine students' level of understanding of these concepts, with particular focus on their ability to identify the basic similarities and differences between the elements of contract formation under civil law and Islamic law. The study adopts a mixed-methods approach, comprising qualitative analysis through a review of relevant literature to elucidate the underlying theories and principles of contract formation, and a quantitative approach using an online questionnaire (Google Form) to obtain empirical insights into students' understanding. A total of 153 respondents from the Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak Branch, Tapah Campus, participated in this study. The research instrument consisted of demographic information and closed-ended questions designed to assess students' understanding of offer and acceptance under civil law, as well as *ijāb* and *qabūl* under Islamic law. The findings indicate that the majority of students demonstrate a high level of awareness and a sound preliminary

¹*Corresponding author : farihana@uitm.edu.my

understanding of the fundamental elements of contract formation and are able to correctly recognise and apply the relevant terminology. This study is expected to enhance students' awareness of the importance of understanding the foundations of contract formation and to support the development of more effective teaching strategies for contract law-related courses within the field of accounting.

ABSTRAK

Pemahaman terhadap pembentukan kontrak merupakan asas penting bagi memastikan pihak yang berjanji memasuki kontrak secara sah dan boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Dalam konteks pendidikan perakaunan, konsep ini diperkenalkan melalui subjek Pengenalan kepada Undang-Undang Komersial (LAW240) dan Asas Perakaunan Islam (CTU231), yang menekankan elemen utama seperti tawaran, penerimaan, ijab dan qabul. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kefahaman pelajar terhadap konsep-konsep tersebut, dengan memberi tumpuan kepada keupayaan mereka mengenal pasti persamaan dan perbezaan asas antara elemen pembentukan kontrak dalam undang-undang sivil dan undang-undang Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran, iaitu analisis kualitatif melalui sorotan literatur bagi menghuraikan teori dan prinsip asas pembentukan kontrak, serta pendekatan kuantitatif melalui soal selidik atas talian (Google Form) bagi mendapatkan gambaran empirikal tentang tahap kefahaman pelajar. Seramai 153 orang responden daripada Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian merangkumi maklumat demografi dan soalan berbentuk tertutup (closed-ended) bagi menilai kefahaman pelajar terhadap konsep tawaran dan penerimaan dalam undang-undang sivil serta ijab dan qabul dalam undang-undang Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dan pemahaman awal yang kukuh terhadap elemen asas pembentukan kontrak, di samping berupaya mengenal pasti serta menggunakan terminologi yang berkaitan dengan betul. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan memahami asas pembentukan kontrak serta menyokong pembangunan strategi pengajaran yang lebih berkesan bagi kursus berkaitan undang-undang kontrak dalam bidang perakaunan.

1. PENDAHULUAN

Pembentukan kontrak merupakan salah satu prinsip asas dalam undang-undang dan memainkan peranan penting dalam kehidupan profesional serta aktiviti perniagaan. Keesahan sesuatu perjanjian antara pihak bergantung kepada bagaimana kontrak tersebut dibentuk pada peringkat awal, termasuk sama ada ia sah, tidak sah, terbatal, atau dipersetujui secara sukarela serta boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Di Malaysia, pembentukan kontrak boleh dianalisis melalui dua perspektif utama iaitu sistem perundangan sivil dan Islam (Syariah). Dalam konteks pelajar diploma yang mengambil kursus perakaunan, konsep pembentukan kontrak diperkenalkan melalui subjek Pengenalan kepada Undang-Undang Komersial (LAW240) dan Asas Perakaunan Islam (CTU231). Subjek-subjek ini menekankan elemen asas pembentukan kontrak seperti tawaran (offer), penerimaan (acceptance), ijab dan qabul, yang menjadi asas

kepada kesahan kontrak dan janji yang boleh dikuatkuasakan. Pemahaman terhadap elemen-elemen ini bukan sahaja penting untuk pelajar undang-undang, bahkan juga kepada pelajar bukan undang-undang.

Kajian ini memfokuskan kepada pelajar diploma daripada Fakulti Perakaunan melalui pendedahan berhubung topik kontrak dalam subjek LAW240 dan CTU231. Dalam kedua-dua subjek ini, pelajar telah didedahkan dengan prinsip umum pembentukan kontrak serta terminologi yang digunakan dalam konteks perundangan sivil dan Syariah. Kefahaman awal terhadap terminologi serta maksud tawaran, penerimaan *ījāb* dan *qabūl* membolehkan pelajar menilai keesahan kontrak dan mengaplikasikan konsep tersebut dalam situasi profesional yang sebenar.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kefahaman pelajar terhadap elemen pembentukan kontrak, iaitu tawaran, penerimaan, *ījāb* dan *qabūl*, serta menilai kemampuan mereka dalam mengenal pasti persamaan dan perbezaan asas antara elemen tersebut melalui terminologi berdasarkan kedua-dua subjek yang telah mereka pelajari.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pelajar perlu memiliki pemahaman yang mendalam terhadap subjek berkaitan pembentukan kontrak, memandangkan konsep ini merupakan asas penting dalam kehidupan seharian serta amalan profesional. Kefahaman terhadap pembentukan kontrak bukan sahaja memastikan bahawa perjanjian yang dibuat adalah sah dan boleh dikuatkuasakan, tetapi juga membangunkan kemahiran analitikal kritikal yang diperlukan untuk menilai transaksi kewangan dan pengurusan perniagaan. Kajian-kajian terdahulu menekankan bahawa terdapat cabaran dalam kalangan pelajar bukan undang-undang, khususnya pelajar perakaunan dan perniagaan, dalam memahami konsep asas pembentukan kontrak.

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), pelajar diploma Fakulti Perakaunan diperkenalkan kepada konsep asas pembentukan kontrak melalui dua kursus utama, iaitu Pengenalan kepada Undang-Undang Komersial (LAW240) dan Asas Perakaunan Islam (CTU231). Kedua-dua kursus ini menekankan elemen teras pembentukan kontrak, termasuk konsep tawaran dan penerimaan dalam undang-undang sivil serta *ījāb* dan *qabūl* dalam konteks undang-undang Islam.

Walaupun pelajar didedahkan dengan kedua-dua konsep melalui kursus berbeza, wujud keperluan untuk menilai secara sistematik tahap kefahaman mereka terhadap terminologi dan penggunaan terma pembentukan kontrak. Hal ini penting kerana penguasaan istilah dan kemampuan mengenal pasti persamaan serta perbezaan asas antara kontrak sivil dan kontrak dalam undang-undang Islam yang merupakan asas bagi pembangunan literasi undang-undang dan kemahiran analitikal pelajar, terutama dalam konteks pendidikan perakaunan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengukur secara empirikal tahap kefahaman pelajar, dengan memberi tumpuan kepada keupayaan mereka mengenal pasti elemen asas pembentukan kontrak dalam kedua-dua sistem perundangan. Kajian ini dilaksanakan pada akhir semester, setelah pelajar melengkapkan silibus bagi kedua-dua kod kursus, bagi memastikan penilaian yang dilakukan dapat mencerminkan pemahaman yang lebih menyeluruh dan kukuh terhadap prinsip asas kontrak dalam kedua-dua kerangka perundangan.

3. SOROTAN LITERATUR

Pembentukan kontrak merupakan teras utama dalam undang-undang kontrak kerana ia menentukan sama ada sesuatu perjanjian yang dibuat antara pihak-pihak adalah sah, mengikat, dan boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Tanpa pematuhan kepada elemen pembentukan kontrak yang ditetapkan, sesuatu persetujuan hanya dianggap sebagai janji moral semata-mata dan tidak mempunyai kesan perundangan. Dalam konteks Malaysia, Akta Kontrak 1950 berfungsi sebagai undang-undang utama yang mengawal selia pembentukan, pelaksanaan, dan penguatkuasaan kontrak, termasuklah penentuan kesahihan persetujuan antara pihak-pihak yang berkontrak.

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), pelajar bukan undang-undang, khususnya daripada Fakulti Perakaunan, didedahkan kepada dua kursus yang saling berkaitan, iaitu Pengenalan kepada Undang-Undang Komersial (LAW240) dan Asas Perakaunan Islam (CTU231) untuk memahami prinsip kontrak, baik dalam konteks undang-undang sivil mahupun undang-undang Islam, serta membolehkan mereka mengaplikasikan konsep-konsep ini dalam konteks profesional dan kewangan.

3.1 Pelajar Bukan Undang-Undang

Pendidikan undang-undang kini tidak lagi tertumpu hanya kepada pelajar undang-undang, kerana komponen undang-undang turut dimasukkan dalam pelbagai program ijazah, seperti perakaunan, bagi memperkenalkan pelajar kepada persekitaran undang-undang yang relevan dengan bidang pengajian dan profesion mereka (Allen, 2007).

Namun begitu, Ibrahim & et al. (2016) mendapati pelajar daripada disiplin lain sering mendapati subjek undang-undang sukar dan kurang menarik. Dapatan ini turut disokong oleh Abdul Razak & et al. (2020), yang mendapati pelajar bukan undang-undang menilai subjek undang-undang sebagai sukar, mencabar, dan membosankan, serta merasa terbeban dengan jumlah bahan bacaan yang perlu dibaca dan dirujuk, selain menghadapi kesukaran bagi penggunaan bahasa.

Justeru, Ibrahim et al. (2016) mencadangkan bahawa pendekatan pengajaran berasaskan konteks yang mengaitkan konsep undang-undang dengan bidang pengajian pelajar adalah paling sesuai untuk menarik minat dan meningkatkan pemahaman pelajar bukan undang-undang.

3.2 Tawaran dan Penerimaan dalam Undang-Undang Sivil

Dalam undang-undang sivil, elemen pembentukan kontrak merangkumi tawaran (offer), penerimaan (acceptance), balasan (consideration), keupayaan (capacity), kepastian (certainty), niat untuk mewujudkan hubungan undang-undang (intention to create legal relation) dan kerelaan bebas (free consent).

Berdasarkan kajian oleh Abdul Manap (2018), suatu kontrak yang sah dan lengkap terbentuk melalui elemen tawaran dan penerimaan. Tawaran merujuk kepada pernyataan janji yang mengikat pihak yang membuatnya sekiranya pihak penerima bersetuju dengan terma-terma yang dikemukakan. Penerimaan terhadap tawaran tersebut akan menghasilkan perjanjian yang sah dan boleh dikuatkuasakan, seterusnya membentuk kontrak.

Kajian oleh Bayern (2015) menegaskan bahawa paradigma tawaran dan penerimaan telah lama dianggap sebagai asas utama dalam undang-undang kontrak dan memberikan pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan obligasi kontrak. Secara umumnya, obligasi kontrak adalah berasaskan kepada persetujuan antara pihak-pihak yang berkontrak dimana persetujuan tersebut dianggap telah terbentuk apabila suatu tawaran yang jelas dan muktamad dikemukakan oleh satu pihak dan diterima secara jelas tanpa keraguan oleh pihak yang satu lagi (Abd Rahman, 2000). Pendekatan ini menekankan kepentingan keselarasan antara tawaran dan penerimaan sebagai syarat utama kesahihan kontrak..

3.3 *Ījāb dan Qabūl dalam Undang-Undang Islam*

Dalam undang-undang Islam, kesahihan sesuatu transaksi dinilai melalui kontrak (*‘Aqd*) yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak, yang mesti mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang ditetapkan. Objektif utama kesahihan kontrak dalam perundangan Islam adalah untuk memastikan keadilan, mengelakkan unsur penindasan, serta menolak kemudaratan terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam transaksi (Wahab, 2021). Secara asasnya, rukun (*arkān*) kontrak membentuk elemen penting yang menentukan kesahihan sesuatu perjanjian yang mematuhi Syariah. Rukun-rukun ini termasuk *sighah* (*ījāb dan qabūl*), pihak-pihak yang mengikat kontrak (*‘āqidān*), iaitu pembeli dan penjual, serta objek kontrak (*ma‘qūd ‘alayh*), yang merujuk kepada barangan dan imbalan yang dipertukarkan (Muhammad, 1993).

Memandangkan kontrak mencerminkan persetujuan bersama antara dua pihak untuk menghasilkan kesan yang diiktiraf secara sah dari perspektif Syariah, ia mencerminkan kewujudan persetujuan dan pilihan. Walau bagaimanapun, kehendak dan niat dalaman ini bersifat abstrak dan tersembunyi, menjadikannya tidak sesuai dijadikan asas tunggal untuk penghakiman undang-undang Syariah. Oleh itu, persetujuan dalaman ini mesti dinyatakan secara luaran melalui bentuk yang dapat diperhatikan, sama ada secara lisan, tulisan, isyarat, atau melalui wakil, yang secara kolektif dikenali sebagai *sighah* yang merangkumi *ījāb dan qabūl*. Perwujudan luaran persetujuan ini dianggap sesuai dan mencukupi untuk dijadikan asas sah bagi penghakiman dalam undang-undang Islam (Ibrahim, 1986). Sehubungan itu, *ījāb dan qabūl* merupakan kaedah yang diiktiraf untuk menyatakan niat dalam transaksi berasaskan Syariah (Nasir, 2002).

Ījāb merujuk kepada pengisytiharan yang dibuat oleh pemilik atau pihak yang menawarkan dalam sesuatu transaksi kewangan, menunjukkan kesediaan dan persetujuan mereka untuk membentuk kontrak. Sebaliknya, *qabūl* ialah pengisytiharan yang dibuat oleh penerima atau pihak lawan dalam transaksi, menandakan penerimaan dan persetujuan mereka terhadap kontrak tersebut (Al-Hazza’, 2020). Beberapa syarat Syariah mesti dipenuhi untuk memastikan kesahihan *ījāb dan qabūl*. Antaranya ialah kedua-dua pihak kontrak mesti memahami dengan jelas makna dan kandungan kontrak, *qabūl* mestilah selari dan bersesuaian dengan *ījāb* tanpa sebarang pertentangan, dan kedua-dua *ījāb dan qabūl* mesti berlaku dalam sesi yang sama (*majlis*), merujuk kepada masa dan tempat yang sama (Al-Hazza’, 2020). Oleh itu, sesuatu kontrak dianggap sah apabila terdapat kesinambungan dan tiada pertentangan antara tawaran dan penerimaan yang dibuat oleh pihak-pihak yang mengikat kontrak (Nasir, 2002).

3.4 *Jurang Kefahaman dan Keperluan Kajian*

Sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun konsep tawaran dan penerimaan serta *ījāb dan qabūl* merupakan asas pembentukan kontrak, kefahaman perbezaan terminologi, pendekatan perundangan, dan falsafah yang mendasari undang-undang sivil dan undang-undang Islam berpotensi menimbulkan

kekeliruan dalam proses pembelajaran. Oleh itu, satu kajian bagi meninjau tahap kefahaman pelajar terhadap kedua-dua konsep ini adalah penting bagi mengenal pasti jurang kefahaman serta menilai keberkesanan pendekatan pengajaran sedia ada dalam konteks pemahaman tentang kontrak di Malaysia, khususnya kepada pelajar bukan undang-undang.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kerangka utama, dengan fokus kepada sorotan literatur untuk menghuraikan konsep pembentukan kontrak dalam undang-undang sivil dan undang-undang Islam. Analisis kualitatif terhadap sumber primer dan sekunder, termasuk peruntukan undang-undang, artikel jurnal melalui kajian terdahulu digunakan untuk mengenal pasti konsep tawaran dan penerimaan serta *tjāb* dan *qabūl*, seterusnya membentuk asas konseptual kajian. Untuk menyokong penerangan kualitatif ini, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik berstruktur, ditadbir secara dalam talian menggunakan platform *Google Form*, bagi mendapatkan gambaran empirikal tahap kefahaman pelajar diploma terhadap konsep-konsep yang dibincangkan dalam kajian ini.

Seramai 153 orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Perakaunan dan Diploma Sistem Maklumat Perakaunan di UiTM Cawangan Perak telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan responden adalah selaras dengan objektif kajian yang memfokuskan kepada kefahaman pelajar diploma terhadap pembentukan kontrak dalam kedua-dua sistem perundangan di Malaysia, memandangkan responden telah mengikuti kursus LAW 240 iaitu Pengenalan Undang-Undang Komersial dan CTU 231 iaitu Asas Perakaunan Islam.

Data dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur yang dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden, iaitu umur, jantina dan program pengajian. Bahagian B pula mengandungi 12 item soalan berbentuk tertutup (*closed-ended*) yang direka berdasarkan dapatan sorotan literatur bagi mengukur tahap kefahaman responden terhadap konsep tawaran dan penerimaan dalam undang-undang sivil serta *tjāb* dan *qabūl* dalam undang-undang Islam. Item dalam Bahagian B merangkumi empat (4) soalan dikotomi (*Ya/Tidak*) untuk menilai kefahaman asas, dua (2) soalan pilihan jawapan dalam bentuk pernyataan, untuk menilai keupayaan responden mengenal pasti pernyataan yang betul, dan enam (6) soalan skala Likert lima mata, daripada sangat tidak setuju=1 hingga sangat setuju=5, bagi mengukur tahap persetujuan responden terhadap kefahaman dan kepentingan konsep pembentukan kontrak.

Data kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif dan seterusnya digunakan untuk menyokong serta memperkukuh penerangan kualitatif yang dibuat berdasarkan sorotan literatur dan perbincangan konseptual kajian ini.

5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, kajian ini melibatkan seramai 153 orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Perakaunan dan Diploma Sistem Maklumat Perakaunan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah. Daripada jumlah tersebut, 106 orang (69.3%) adalah perempuan manakala 47 orang (30.7%) adalah

lelaki. Taburan ini selaras dengan corak penglibatan pelajar dalam bidang perakaunan, yang lazimnya menunjukkan peratusan pelajar perempuan yang lebih tinggi berbanding lelaki.

Dari segi program pengajian, Jadual 1 menunjukkan bahawa sebahagian besar responden merupakan pelajar Diploma Perakaunan (AC110), iaitu seramai 107 orang atau 69.9%. Selebihnya, seramai 46 orang responden (30.1%) terdiri daripada pelajar Diploma Sistem Maklumat Perakaunan (AC120). Agihan ini adalah selari dengan struktur enrolmen pelajar bagi kedua-dua program tersebut dan memberikan asas yang mencukupi untuk menilai tahap kefahaman pelajar terhadap konsep pembentukan kontrak.

Jadual 1: Demografi Responden

Kategori	Bilangan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Perempuan	106	69.3
Lelaki	47	30.7
Program Pengajian		
Diploma Perakaunan (AC110)	107	69.9
Diploma Sistem Maklumat Perakaunan (AC120)	46	30.1
Jumlah Responden	153	100

Jadual 2 menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep asas pembentukan kontrak dalam kedua-dua sistem perundangan, iaitu undang-undang sivil dan undang-undang Islam. Seramai 141 orang responden (92.2%) menyatakan bahawa mereka pernah mendengar istilah tawaran (*offer*) dan penerimaan (*acceptance*) dalam kontrak sivil, menunjukkan pendedahan awal yang kukuh walaupun mereka bukan daripada latar belakang pengajian undang-undang.

Selain itu, hampir kesemua responden, iaitu seramai 152 orang (99.3%), menyatakan bahawa mereka pernah mendengar istilah *ijāb* dan *qabūl* dalam kontrak Islam. Seramai 140 orang responden (91.5%) menyatakan bahawa mereka menyedari terdapat persamaan antara konsep tawaran dan penerimaan dalam undang-undang sivil dengan konsep *ijāb* dan *qabūl* dalam undang-undang Islam. Dapatan ini mencerminkan tahap kesedaran yang sangat tinggi terhadap konsep pembentukan kontrak dalam undang-undang Islam, menunjukkan keupayaan mereka membuat perbandingan konseptual antara kedua-dua sistem.

Jadual 2 juga menunjukkan bahawa kesemua responden (100%) bersetuju bahawa adalah penting untuk memahami kedua-dua konsep tawaran-penerimaan dan *ijāb-qabūl* dalam konteks Malaysia. Kesedaran menyeluruh ini menggambarkan pengiktirafan pelajar terhadap kewujudan sistem perundangan dwi di Malaysia serta kepentingan literasi undang-undang dalam menyokong kecakapan profesional mereka, khususnya dalam bidang perakaunan.

Jadual 2: Tahap Kefahaman Pelajar terhadap Kontrak dalam Undang-undang Sivill dan Undang-undang Islam

	Bilangan (n)	Peratus (%)
Pernah mendengar istilah tawaran (offer) dan penerimaan (acceptance) dalam kontrak sivil	141	92.2
Pernah mendengar istilah ijab dan qabul dalam kontrak Syariah	152	99.3
Menyedari terdapat persamaan antara tawaran-penerimaan dan ijab-qabul	140	91.5
Menganggap penting untuk memahami kedua-dua konsep dalam konteks Malaysia	153	100

Berdasarkan Jadual 3 dibawah, majoriti pelajar menunjukkan tahap kefahaman yang positif terhadap konsep kontrak sivil dan kontrak Islam. Bagi pernyataan “Saya faham perbezaan antara kontrak sivil dan kontrak Islam”, sebanyak 93 daripada 153 responden (60.8%) bersetuju atau sangat bersetuju (skala 4 dan 5), menunjukkan bahawa pelajar secara umum mampu membezakan kedua-dua sistem kontrak dengan baik.

Dalam aspek tawaran (*offer*) dan penerimaan (*acceptance*), 108 responden (70.6%) menunjukkan keyakinan yang tinggi (skala 4 dan 5), menandakan pemahaman asas mereka terhadap pembentukan kontrak secara sivil adalah kukuh. Bagi konsep *ījāb* dan *qabūl* dalam akad Islam, 85 responden (55.6%) menyatakan kefahaman yang baik, walaupun terdapat sejumlah kecil pelajar (6 responden, 3.9%) yang kurang yakin, menunjukkan keperluan penekanan pedagogi tambahan untuk memperkukuh pemahaman aspek akad. Selain itu, 111 responden (72.5%) menyedari bahawa prinsip asas kontrak dalam Islam dan sivil mempunyai persamaan, mencerminkan kesedaran pelajar terhadap keserasian prinsip undang-undang dalam kedua-dua sistem.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan istilah dwibahasa menimbulkan sedikit kekeliruan, di mana 64 responden (41.8%) didapati menghadapi kesukaran memahami konsep melalui perbezaan istilah Arab dan Inggeris. Seramai 121 responden (79.1%) menyokong dengan memilih bersetuju atau sangat bersetuju bahawa mereka lebih mudah memahami konsep kontrak apabila istilah sivil dan Syariah dijelaskan secara perbandingan.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pemahaman asas yang amat baik terhadap kontrak sivil dan Islam, serta berupaya mengenal pasti persamaan asas antara konsep dalam kedua-dua sistem, walaupun istilah yang digunakan berbeza disebabkan perbezaan bahasa. Penekanan tambahan terhadap istilah dwibahasa dan penjelasan konsep secara perbandingan berpotensi meningkatkan kefahaman pelajar secara lebih menyeluruh dan mendalam.

Jadual 3: Kefahaman Pelajar Terhadap Kontrak Sivil dan Kontrak Islam

	1 (Sangat Tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Neutral)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
Saya faham perbezaan antara kontrak sivil dan kontrak Islam.	0	1	59	72	21
Saya mampu menjelaskan konsep offer dan acceptance dengan yakin.	2	3	40	79	29
Saya mampu menjelaskan maksud <i>ijāb</i> dan <i>qabūl</i> dalam akad.	1	5	62	61	24
Saya sedar bahawa kontrak dalam Islam dan sivil mempunyai prinsip yang hampir sama.	1	6	35	85	26
Penggunaan istilah dalam dua bahasa (Arab dan Inggeris) menimbulkan kekeliruan dalam memahami konsep pembentukan kontrak.	5	23	61	49	15
Saya lebih mudah memahami konsep kontrak jika istilah sivil dan Syariah dijelaskan secara perbandingan	0	0	32	73	48

Secara keseluruhannya, dapatan yang diperoleh daripada Jadual di atas menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja mempunyai kesedaran awal yang tinggi terhadap elemen pembentukan kontrak, malah berupaya mengenal pasti persamaan asas antara konsep dalam undang-undang sivil dan undang-undang Islam, walaupun istilah yang digunakan berbeza disebabkan oleh perbezaan bahasa yang digunakan dalam kod kursus tersebut.

6. KESIMPULAN

Kajian ini menekankan kepentingan pemahaman asas terhadap pembentukan kontrak dalam kalangan pelajar diploma dalam bidang perakaunan di UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah, dengan memberi tumpuan kepada konsep pembentukan kontrak dari perspektif undang-undang sivil dan undang-undang Islam. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden menunjukkan tahap kesedaran dan kefahaman awal yang memuaskan terhadap elemen-elemen utama pembentukan kontrak iaitu tawaran, penerimaan, *ijāb* dan *qabūl*, serta berupaya mengenal pasti persamaan asas antara kedua-dua sistem perundangan tersebut. Dapatan ini mencerminkan kewujudan literasi undang-undang asas dalam kalangan pelajar bukan undang-undang yang relevan untuk menyokong pembelajaran dan amalan profesional mereka dalam bidang perakaunan.

Kefahaman pelajar terhadap konsep-konsep asas ini bukan sahaja menunjukkan keberkesanan pendedahan awal melalui kursus berkaitan, malah turut menyediakan asas yang penting untuk pembangunan kemahiran analitikal, pemikiran kritikal dan keupayaan membuat pertimbangan profesional. Pendedahan kepada prinsip pembentukan kontrak dalam undang-undang Islam, khususnya konsep *tjāb* dan *qabūl*, memperluaskan tahap pemikiran pelajar dan membolehkan mereka memahami bagaimana prinsip perundangan Islam diaplikasikan dalam konteks transaksi kewangan dan profesional yang semakin kompleks.

Selain itu, keupayaan pelajar untuk memahami persamaan dan perbezaan antara pembentukan kontrak dalam undang-undang sivil dan undang-undang Islam menyumbang kepada pembentukan pemikiran yang lebih holistik dan kontekstual, selari dengan realiti sistem perundangan dwi di Malaysia. Kefahaman ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pematuan undang-undang, malah menyediakan asas praktikal bagi pengaplikasian konsep kontrak dalam situasi sebenar.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyokong keperluan untuk memperkukuh pengajaran undang-undang kontrak dalam program perakaunan melalui pendekatan perbandingan yang bersepadu, agar pelajar bukan sahaja menguasai terminologi asas, tetapi juga mampu menganalisis dan menilai isu kontraktual secara kritikal, beretika dan profesional. Pendekatan ini diyakini dapat menyumbang kepada pembangunan graduan perakaunan yang lebih berdaya saing serta peka terhadap keperluan perundangan dalam amalan profesional.

7. SUMBANGAN PENULIS

Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan. Peranan penulis adalah seperti berikut: Penulis pertama merangka konsep kajian dan menulis bahagian Undang-Undang Sivil, Penulis kedua menulis bahagian Undang-Undang Islam dan Penulis ketiga menyemak abstrak bahasa Inggeris dan memperhalusi aspek bahasa keseluruhan artikel.

8. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua responden yang terdiri daripada pelajar Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Tapah, atas kesudian dan kerjasama mereka dalam menjawab soal selidik serta menyumbang data yang bernilai untuk kajian ini.

9. PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini melibatkan tinjauan terhadap pelajar sebagai responden bagi menilai tahap kefahaman mereka terhadap konsep tawaran dan penerimaan serta *tjāb* dan *qabūl* dalam pembentukan kontrak. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan semua maklumat yang diperoleh dikendalikan secara sulit serta digunakan hanya untuk tujuan penyelidikan akademik. Kajian ini dijalankan dengan mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM).

RUJUKAN

- Abd Rahman, H. (2000). Offer and Acceptance in Islamic Law of Contract. *Jurnal Syariah*, 8(2), 15–32.
- Abdul Manap, M. (2018). Kontrak Elektronik: Isu dan Penyelesaian Undang-Undang. *Journal of Law & Go*, 1(1), 62–76.
- Abdul Razak, F., Osoman, A., & Mohammad Patel, I. F. (2020). Teaching Law to Non-Law Background Students : Challenges and Strategies. *International Journal of Humanities and Social Science Invention (IJHSSI)*, 9(3), 51–55.
- Al-Hazza', I.I.M. (2020). Al-Ījāb wa al-qabūl wa nawāziluhuma al-mu'āsirah. *Majallah al-'Ulum al-Shar'iyah*, 13(3), 1928-1969.
- Allen, V. (2007). A Critical Reflection on the Methodology of Teaching Law to Non-Law Students. *Current Law Journal*, 4. Retrieved from <http://webjcli.ncl.ac.uk/2007/issue4/allen4.html>
- Bayern, S. J. (2015). Offer and Acceptance in Modern Contract Law: A Needless Concept. *California Law Review*, 103, 67–102. Retrieved from <https://ir.law.fsu.edu/articles/40>
- Ibrahim, M. S., Hanafi, N. H., & Nawī, N. F. (2016). Sports Law: Students' Perception of the Relevance of Learning Legal Aspects in Sports and Recreation Amongst Sport Students in UiTM Negeri Sembilan, Seremban Campus. *Journal of Academia UiTM Negeri Sembilan*, 4, 21–27.
- Ibrahim, M.U. *Hukm ijrā' al-'uqūd bi wasā'il al-ittiṣāl al-hadīthah* (Dār al-Ḍiyā': Amman, 1986), p.26.
- Muhammad, A.H. *Al-'aqd fī al-fiqh al-islāmiy* (N.P.: n.p. 1993).
- Nasir, Y.A. (2002). Al-ījāb wa al-qabūl fī al-qanūn al-madaniy al-urduniy wa al-muqāran. *Majallah al-Sharī'ah wa al-Qanūn*, 16(1), 91-143.
- Wahab, F. (2021). Legality of contract in islamic law perspective. *Maqashid*, 4(1), 52-71.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY-NC-ND) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).